



KTPK 18/4/2.01 Jld. 5 (46)
27 November 2002

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 4 TAHUN 2002**

**SIJIL PERAKUAN BENTUK BARU
BAGI PELAN AKUI YANG DISEDIAKAN OLEH
JURUUKUR TANAH BERLESEN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memperuntukkan sijil-sijil perakuan yang baru bagi pelan akui yang disediakan oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penggunaan sijil perakuan bagi pelan akui yang disediakan oleh JTB telah lama diamalkan, iaitu mengikut cara-cara sebagaimana diperuntukkan oleh seksyen-seksyen 97 dan 98, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959. Di

samping itu, sijil perakuan ini juga turut diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) Bil. 2/1974.

- 2.2 Melalui seksyen-seksyen 97 dan 98, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959, lima (5) bentuk sijil perakuan ditetapkan untuk digunakan, bagi menampung keadaan-keadaan pengendalian kerja yang berlainan. Kelima-lima jenis sijil yang dimaksudkan mempunyai peranannya yang tersendiri, iaitu seperti berikut:
- (a) Bentuk sijil perakuan mengikut seksyen 97(1), adalah untuk pelan yang dilukis oleh JTB berasaskan kerjaluarnya yang dilaksanakan sendiri olehnya;
 - (b) Bentuk sijil perakuan mengikut seksyen 97(2), adalah untuk pelan yang dilukis oleh JTB berasaskan kerjaluarnya yang dilaksanakan oleh JTB lain;
 - (c) Bentuk sijil perakuan mengikut seksyen 97(3), adalah untuk pelan yang dilukis oleh JTB berasaskan kerjaluarnya sebahagian dilaksanakan oleh JTB itu sendiri dan sebahagian lagi dijalankan oleh JTB lain;
 - (d) Bentuk sijil perakuan mengikut seksyen 97(4), adalah untuk pelan yang dilukis oleh JTB berasaskan maklumat sebahagian daripada kerjaluarnya yang dilaksanakan oleh JTB itu sendiri dan sebahagian lagi disusun daripada Pelan Akui; dan
 - (e) Bentuk sijil perakuan mengikut seksyen 98, adalah untuk pelan yang disusun sepenuhnya daripada maklumat Pelan Akui.

2.3 Selain itu, setiap sijil perakuan yang dinyatakan di atas memperuntukkan bahawa JTB yang menandatangani sijil berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya keatas salah betulnya kerja ukur yang dijalankan serta pelan yang dihasilkan daripada kerja ukur tersebut.

3. KEPERLUAN MENGADAKAN SIJIL PERAKUAN BENTUK BARU

- 3.1 Walaupun pada masa ini terdapat lima (5) bentuk sijil perakuan yang boleh digunakan, namun begitu ianya masih tidak dapat menampung sepenuhnya kepelbagaiannya keadaan kerja. Sebagai contoh, jika ukuran dijalankan dibawah penyeliaan dua orang JTB, dan sebahagian kerja tersebut pula disusun dari maklumat Pelan Akui, maka tiada satu pun sijil perakuan berkenaan yang betul-betul sesuai untuk digunakan dalam keadaan sedemikian.
- 3.2 Di samping itu, terdapat juga kekeliruan di kalangan JTB dalam memilih dan menggunakan sijil perakuan yang sewajarnya. Ini menyebabkan pelan terpaksa dikembalikan semata-mata untuk memasukkan sijil perakuan yang betul. Keadaan ini sudah tentu melambatkan proses memberi kelulusan ke atas kerja yang dikemukakan oleh JTB.
- 3.3 Justeru itu, bentuk sijil-sijil perakuan sedia ada perlu dipinda supaya menjadi lebih ringkas, mudah difahami dan dapat menampung keadaan-keadaan kerja yang berlainan. Walaupun begitu, sijil-sijil bentuk baru ini perlu terus

mengekalkan unsur tanggungjawab JTB terhadap salah betulnya kerja mereka.

4. SIJIL PERAKUAN BARU

- 4.1 Sijil-sijil perakuan yang baru ini hendaklah digunakan mengikut keadaan kerja dan kesesuaiannya. Bentuknya adalah seperti yang ditunjukkan pada **Lampiran A**. Secara umum, ia mengambil kira kepelbagaian kerja yang dilaksanakan, iaitu seperti berikut:
- (a) Bentuk pertama adalah untuk pelan yang disediakan oleh JTB berdasarkan kepada ukuran yang dijalankan sendiri atau oleh JTB atau JTB-JTB lain atau oleh kedua-duanya sekali; dan
 - (b) Bentuk kedua adalah untuk pelan yang disediakan oleh JTB berdasarkan maklumat yang sebahagiannya daripada kerjaluarnya yang dijalankan oleh JTB itu sendiri atau oleh JTB atau JTB-JTB lain atau oleh kedua-duanya sekali dan sebahagian lagi daripada maklumat yang disusun daripada Pelan Akui.
- 4.2 Bagi pelan yang disusun sepenuhnya daripada maklumat Pelan Akui, sijil yang diperuntukkan melalui seksyen 98, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 masih boleh terus digunakan.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya mulai tarikh ianya dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Pelan-Pelan Akui yang telah menggunakan sijil mengikut peraturan terdahulu masih boleh diterima, iaitu dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

6. PEMANSUHAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Surat Pekeliling KPUP Bil. 2/1974 bertarikh 13 April 1974 adalah dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATO' HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Salinan luaran:

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia

SIJIL PERAKUAN JTB BENTUK BARU

- (1) Pelan yang disediakan oleh JTB sepenuhnya berdasarkan kerjaluan yang dijalankan sendiri atau oleh JTB (atau JTB-JTB) lain atau oleh kedua-duanya:**

Saya,....., seorang Juruukur Tanah yang dilesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa pengukuran darimana pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen, dan bahawa pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada.....haribulan....., 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikhharibulan.....20.....

.....
Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458

- (2) Pelan yang disediakan oleh JTB berdasarkan maklumat yang sebahagiannya daripada kerjaluan yang dijalankan oleh JTB itu sendiri atau oleh JTB (atau JTB-JTB) lain atau oleh kedua-duanya dan sebahagian lagi daripada maklumat Pelan Akui:**

Saya,....., seorang Juruukur Tanah yang dilesen di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458), memperakui bahawa kerja ukur darimana sebahagian pelan ini telah disediakan, telah dijalankan dan ditanda di atas tanah oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan semata-mata mengikut Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen dan bahawa sebahagian pelan ini secara tepat mewakili pengukuran yang telah disempurnakan pada.....haribulan....., 20.....dan sebahagian lagi telah disusun dari Pelan Akui.

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya ukuran ini.

Bertarikhharibulan.....20.....

.....
Juruukur Tanah Yang Dilesen di bawah Akta 458